

Pendirian tegas Malaysia diterima sebagai lampiran **Perisytiharan APEC**

Daripada **JOHAN JAAFFAR**
dan **HANAFIAH MAN**

BOGOR 15 Nov. — Sidang kemuncak para pemimpin 18 negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) hari ini mencapai persetujuan untuk menentukan masa depan kerjasama ekonomi bagi rantau Asia Pasifik dan dunia seluruhnya, dengan mengambil kira pendirian Malaysia dalam beberapa hal.

Perisytiharan APEC yang dibacakan oleh pengerusi sidang, Presiden Suharto selepas mesyuarat itu bagaimanapun tidak menyebutkan empat perkara yang dicatatkan sebagai "lampiran" yang mewakili pendirian Malaysia.

Kesediaan anggota sidang untuk menerima pandangan Malaysia dianggap sebagai kompromi Malaysia untuk menerima beberapa cadangan yang terkandung dalam draf awal perisytiharan itu.

Utusan difahamkan bahawa beberapa kandungan perisytiharan itu telah dilunakkan bagi menampung pendirian Malaysia.

[Reaksi Dr. Mahathir di muka 18]

Sidang telah bersetuju untuk melaksanakan sistem perdagangan bebas dan liberalisasi pelaburan mengikut jadual waktu pelaksanaan selewat-lewatnya menjelang tahun 2020.

Keputusan tersebut yang dicapai dalam pertemuan tidak rasmi para pemimpin APEC dimuatkan dalam Deklarasi APEC, bagaimanapun menekankan bahawa usaha membebaskan perdagangan tersebut tidak harus menjadikan APEC sebagai blok perdagangan.

Presiden Suharto semasa membacakan deklarasi itu berkata, proses ke arah liberalisasi dagang itu juga dilandaskan kepada peruntukan yang dipersetujui dalam Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT).

"Bagaimanapun untuk melaksanakan perdagangan bebas itu, kita menekankan perlunya mengambil kira kemampuan ekonomi negara-negara anggota APEC.

"Ini bermakna bagi negara maju mereka akan melaksanakan keputusan ini tidak lewat daripada tahun 2010 manakala bagi negara membangun selewat-lewatnya tahun 2020," katanya.

Dengan keputusan itu, APEC secara tidak langsung menyetujui cadangan

■ **Lihat muka 2**

Perisytiharan APEC

yang dibuat oleh Kumpulan Pakar Terkemuka (EPG), sebuah badan di luar kerangka APEC.

Beliau tidak pula menjelaskan apakah landasan GATT bermakna perdagangan bebas APEC akan mengikut semua syarat dan peraturan yang disetujui Rundingan Uruguay.

Keputusan itu berbeza dengan kenyataan bersama Mesyuarat Menteri APEC yang tidak menyebut soal penetapan jadual waktu pelaksanaan perdagangan bebas dan hanya menerima laporan EPG sebagai cadangan untuk menggalakkan perdagangan bebas.

Menurut Suharto, keputusan itu juga merupakan wawasan jangka panjang rantau Asia Pasifik untuk meningkatkan lagi kerjasama melalui pembebasan perdagangan dan perlaburan.

Menjelaskan perkara itu ketika ditanya oleh pemberita, beliau berkata, keputusan itu merupakan komitmen politik negara-negara anggota APEC untuk mewujudkan keadaan yang lebih baik pada masa akan datang.

Malah beliau menyatakan, jika

dalam pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ia dapat menjamin keadaan yang lebih maju kepada negara ASEAN, kenapa ia tidak boleh dilaksanakan di peringkat APEC.

"Di samping itu jika dalam AFTA, semua negara bersedia untuk mempercepatkan tempoh pelaksanaannya daripada 2008 kepada 2003, hal tersebut tidak mustahil juga boleh dilaksanakan oleh APEC," ujarnya.

Perdagangan

Suharto juga menjelaskan, untuk mendukung pembebasan perdagangan, APEC bersetuju untuk menggalakkan serta memperluaskan program penggalakan perdagangan dan perlaburan APEC.

Selain itu mesyuarat kali ini juga bersetuju untuk melaksanakan program kerjasama dalam beberapa bidang seperti pembangunan sumber manusia, infrastruktur ekonomi, pendidikan sains dan teknologi, alam sekitar, industri kecil dan sederhana serta meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan.

"Dalam menggalak serta memper-

luaskan kerjasama itu, mana-mana negara yang telah bersedia boleh melaksanakan program tersebut manakala yang belum bersedia boleh menyertainya kemudian," jelas Suharto.

Ketua-ketua negara APEC yang hadir ialah Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Australia, Paul Keating, Sultan Brunei Hasanah Bolkuah, Perdana Menteri Canada Jean Chretien, Presiden Chile, Eduardo Frei Ruiz-Tagle, Presiden China, Jiang Zemin, Presiden Indonesia, Suharto, Perdana Menteri Jepun, Tomiichi Murayama, Presiden Korea Selatan, Kim Young-sam, Presiden Mexico Carlos Salinas, Perdana Menteri New Zealand, Jim Bolger, Perdana Menteri, Julius Chan, Presiden Filipina, Fidel Ramos, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, Perdana Menteri Thailand, Chuan Lekpai, Menteri Negara Taiwan, Vincent Siew dan Setiausaha Kewangan Hong Kong, Sir Hamish Macleod. — *Utusan*.